

## AMANAH, JUJUR DAN ETIKA KERJA YANG POSITIF MENJANA KEBERKATAN REZEKI *HONESTY, SINCERITY AND POSITIVE WORK ETHICS GENERATE BLESSED SUSTENANCE*

Sifat amanah, kejujuran dan keikhlasan dalam pekerjaan serta melaksanakan tugas dengan penuh bertanggungjawab adalah sangat penting bagi menjana keberkatan rezeki. Inialah antara intipati forum motivasi yang berlangsung pada hari Jumaat, 4 September 2020 yang diadakan sebagai sebahagian dari Program Induksi ke-2 bagi rakan-rakan sekerja Nexus. Forum bertajuk Etika Kerja Positif, Rezeki Berkat disampaikan oleh dua ahli panel, Cikgu Hj Ali Yusri bin Hj Abd Gafor dan Ustaz Khairul Nazif bin Hj Awg Damit dengan dipengerusikan oleh Awang Adri bin Haji Mohd Arshad. Forum berakhir dengan sesi soal jawab.

*Trustworthy, honesty and sincerity at work as well as performing duties responsibly are very important in order to obtain the blessings and rewards from Allah SWT. These are the essence of the motivational forum that took place on Friday, September 4, 2020 which was held as part of the 2nd Induction Program for Nexus staff and associates. The forum entitled Positive Work Ethics, Blessed Sustenance was presented by two panelists, Cikgu Hj Ali Yusri bin Hj Abd Gafor and Ustaz Khairul Nazif bin Hj Awg Damit. The forum was moderated by Awang Adri bin Haji Arshad and ended with a question and answer session.*



Ahli-ahli panel forum yang dipengerusikan oleh Adri Hj Mohd Arshad  
*The forum was moderated by Adri Haji Mohd Arshad*



*Cikgu Hj Ali Yusri bin Hj Abd Gafor*



*Ustaz Khairul Nazif bin Hj Awg Damit*



Sebahagian dari rakan sekerja yang menghadiri forum  
*Some of the attendees at the morning forum*



Ahli-ahli panel forum bergambar bersama pihak penganjur  
*The panelists in a group photo with the organizing team*

## SESI MUZAKARAH ANTARA KETUA KUMPULAN DAN STAF BAU DENGAN PENGURUSAN *BAU STAFF AND TEAM LEADS HOLD DISCUSSION WITH MANAGEMENT*

Kumpulan terakhir bagi sesi muzakarah iaitu Ketua Kumpulan (Team Leads) dan kakitangan BAU bersama ahli-ahli pengurusan NexUs telah diadakan pada hari Isnin, 7 September 2020. Ketua Pegawai Eksekutif, Hjh Nor Azura antara lain menyatakan penghargaan beliau atas sumbangan yang diberikan oleh kakitangan BAU disamping menekankan betapa pentingnya peranan mereka dalam memastikan kelancaran perjalanan syarikat. Seramai 40 orang kakitangan telah menghadiri sesi muzakarah pada hari tersebut.

*The last group of Nexus staff and their team leads held a discussion with the management team on Monday, 7 September as part of a series of mini townhall sessions which began last week involving all associates of Nexus. The CEO Hjh Nor Azura, among other things thanked the group for their contribution to Nexus and reiterated their important roles in keeping the business running. The session, attended by about 40 participants ended with a question and answer session.*



## SESI KELAS TERAKHIR BAGI PESERTA PERNIAGAAN MIKRO *THE MICRO BUSINESS GROUP IN-CLASS SESSION COMES TO AN END*

Para peserta bootcamp kluster perniagaan mikro yang bermula empat minggu lalu telah mengakhiri sesi kelas mereka pada hari Selasa, 8 September 2020. Para peserta seterusnya akan menjalani klinik secara individu bersama jurulatih mereka sebelum menyerahkan pelan perniagaan mikro masing-masing pada 23 September. Setiap peserta perniagaan mikro dinasihatkan untuk membuat perjanjian awal bagi pilihan tarikh bagi menjalani klinik berkenaan dimana mereka akan mengadakan perbincangan bersama jurulatih mereka.

*The participants of the micro business bootcamp which started 4 weeks ago ended their in-class session on Tuesday, 8th September with the final submission of their individual business plan before the 23rd of Sep. They will then undergo a personalized business plan clinic on a one-to-one basis with the trainers. They are expected to schedule their clinic appointments in advance to secure their preferred time slot for the individual clinics.*



Hari terakhir dalam kelas bagi Peserta Perniagaan Mikro Bootcamp  
*The micro business group on their last day of the bootcamp in-class session*



Jurulatih dan ahli-ahli pasukan Latihan dan Perkongsian Industri (TIP)  
*The trainers and members of the Training and Industry Partnership (TIP) team*